

HUKUM MENGAGIHKAN ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADA' ZAKAT.¹

Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor.

PENDAHULUAN.

Isu atau permasalahan ini timbul berkaitan kecenderungan sesetengah syarikat atau anggota masyarakat **mengagih sendiri zakat** kepada *asnaf-asnaf* zakat tanpa melalui agensi yang telah dilantik oleh kerajaan atau pemerintah. Selain itu, persoalan tentang **hukum qada zakat** dan sejauh mana pelaksanaannya di Malaysia juga menjadi persoalan.

Kekeliruan ini timbul disebabkan **perbezaan antara amalan semasa** sesetengah syarikat dan individu dengan **akta, fatwa atau peraturan** yang dikeluarkan mengenai perkara tersebut. Justeru itu, satu **ketetapan hukum** diperlukan untuk memandu dan menasihati pihak yang berwajib menetapkan keputusan yang terbaik dalam kedua-dua perkara tersebut.

SENARIO SEMASA DI MALAYSIA

1. Agihan zakat secara persendirian

- 1.1 Perlembagaan Persekutuan negara Malaysia telah menyenaraikan bahawa zakat adalah di bawah bidangkuasa negeri. Semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan perkara berkenaan urusan zakat ini sama ada dibawah Akta / Enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah Enakmen khusus mengenai zakat. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) No. 1 Tahun 2003 misalnya, dalam seksyen 86 menetapkan bahawa Majlis adalah pihak

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, 22 Ogos 2007, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang.

yang berkuasa memungut zakat dan fitrah dalam negeri Selangor mengikut hukum syarak, sementara seksyen 87 memberi kuasa kepada Majlis untuk menetapkan peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

Akta/Enakmen juga ada memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri atau Syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan mana-mana orang yang melanggar Akta/Enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman. Sebagai contohnya, dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), seksyen 16 menyatakan seperti berikut :

“Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi:

- a. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau**
- b. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,**

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.

- 1.2 Menurut Bahagian Penasihat Undang-Undang JAKIM, seksyen 16 (b) tersebut **secara jelas** memperuntukkan **kuasa** kepada **Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat**. Ini bermaksud, orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak

dilantik oleh Majlis adalah **melakukan kesalahan** di bawah seksyen 16 (b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan.

1.3 Walaubagaimanapun, dari segi **amalannya** banyak **syarikat-syarikat korporat atau orang perseorangan yang membayar sendiri** atau sebahagian daripada zakat mereka kepada asnaf-asnaf yang dianggap layak menerima zakat (seolah-olah mereka adalah amil yang dilantik untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak). Mereka beranggapan seksyen 16 tersebut **tidak mengikat** seseorang atau sesebuah syarikat untuk mengagihkan sendiri secara terus kepada asnaf-asnaf zakat.

1.4 Kajian Bahagian Penyelidikan JAKIM pada tahun 2005 berkaitan Cadangan Penyelarasan Penyaluran Wang Zakat Antara Negeri Di Malaysia yang dibentang dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke 68 menunjukkan ada beberapa syarikat yang membayar sendiri sebahagian zakat mereka kepada asnaf zakat. Sebagai contohnya:

i. **Bank Islam Malaysia Berhad** sebelum tahun 2000 membayar 7/8 daripada jumlah zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Negeri-Negeri (PPZ), sementara 1/8 daripada jumlah tersebut dibayar terus kepada asnaf yang layak. Tetapi selepas tahun 2000 Bank Islam memegang 2/8 daripada jumlah zakat yang wajib dibayar dan bermula tahun 2003, pihak Bank menambah pegangannya kepada 3/8 daripada jumlah zakat yang wajib dibayar.

ii. **Bank Muamalat Malaysia Berhad** pula menjelaskan semenjak penubuhannya pada 1999 sebahagian daripada jumlah zakat (50%) itu dibayar terus kepada

PPZ Negeri-Negeri dan sebahagian lagi (50%) untuk diagihkan sendiri melalui Tabung Mawaddah.

iii. Maklumat terkini daripada Jabatan Wakaf,Zakat dan Haji pula menyatakan syarikat **BERNAS** telah mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak. Antara alasan yang diberikan ialah, pihak syarikat tidak mendapat pelepasan rebet cukai terhadap zakat yang dibayar kepada PPZ Negeri, sedangkan kalau ia dibayar terus kepada asnaf zakat seperti badan-badan kebajikan ia akan mendapat pelepasan cukai.

1.5 Sungguhpun begitu, ada juga syarikat yang membayar terus zakat (tanpa mengagihkannya sendiri) kepada PPZ Negeri seperti **Lembaga Tabung Haji (TH)**. Menurut TH keputusan ini dibuat adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan mengenainya oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke-17 pada 13 Mei 1979.

1.6 Seterusnya penelitian yang dibuat terhadap beberapa himpunan **fatwa** (yang tidak diwartakan) yang dikeluarkan oleh **Jabatan/Pejabat Mufti Negeri** pula menunjukkan **tiada tegahan** untuk mana-mana orang atau syarikat membayar sendiri zakat kepada asnaf yang layak menerimanya. Mufti Kedah ketika ditanya tentang hukum mengeluarkan zakat dengan sendiri atau melantik wakil untuk memberi zakat kepada pihak berkenaan menyatakan seperti berikut ;

“Tiada tegahan pada syarak bagi mana-mana orang Islam mengeluarkan zakat (selain zakat padi) dengan sendirinya atau melantik wakil bagi pihaknya untuk memberi dan membahagikan zakatnya kepada pihak yang berhak menerimanya”.

- 1.7 Sementara Fatwa Kerajaan **Negeri Kelantan** pula ketika menjawab pertanyaan mengenai **zakat kepada ibubapa atau adik beradik yang miskin** menjelaskan seperti berikut ;

“Memberi zakat kepada usul atau furu’ (ibubapa hingga ke atas, atau anak hingga ke bawah) yang wajib ke atas pengeluar zakat itu sendiri menanggung nafkahnya tidaklah harus, tetapi jika nafkah mereka tidak wajib ditanggung oleh pengeluar zakat tersebut dan mereka adalah miskin maka harus dikeluarkan zakat kepada mereka”.

- 1.8 Fatwa-fatwa ini secara amnya menguatkan lagi hujah yang membolehkan syarikat atau orang ramai **membayar zakat secara terus** tanpa melalui PPZ Negeri.

- 1.9 Sungguhpun begitu, fatwa **Negeri Terengganu** terdapat sedikit kelainan, di mana Mufti ketika menjawab pertanyaan berkenaan orang Islam yang mengeluarkan fitrah kepada amil yang tidak dilantik telah mengeluarkan fatwa berikut ;

“Terlebih dahulu hendaklah diingat bahawa di Negeri Terengganu ini telah ada dilantik amil-amil pada tiap-tiap daerah untuk mengutip zakat dengan maksud untuk mengawal masalah mereka yang mengeluarkan zakat itu sendiri dan untuk menyampaikan bahagian kepada orang yang berhak menurut hukum yang ditetapkan dalam agama, maka kiranya guru-guru tersebut dalam surat tuan itu seorang amil maka sahlah zakat yang diterima dan keluarkan sebelum selesai sembahyang raya itu, jika bukan ia seorang amil maka hukumnya tidak sah. Kalau tidak ada amil dilantik di tempat itu, maka harus ia terima dengan sifatnya faqir atau miskin atau salah satu daripada asnaf yang lain dengan tidak didapati asnaf yang lain di tempat itu. Ini suatu perkara yang tidak harus terjadi di suatu

tempat di negeri Terengganu ini, oleh yang demikian penerimaan guru itu bukan dengan sifatnya sebagai amil yang dilantik tidaklah harus dan zakat itu tidak sah”.

2. QADA' ZAKAT

- 2.1 Qada zakat bermaksud **bayaran zakat yang diterima pada tahun semasa tetapi untuk bayaran zakat yang tidak dibayar pada tahun-tahun yang sebelumnya.**
- 2.2 Tinjauan yang dibuat terhadap beberapa laman web PPZ Negeri-negeri mendapati qada' zakat merupakan salah satu daripada jenis zakat yang dikutip oleh PPZ Negeri, malahan ada negeri yang secara jelas menyenaraikan maklumat mengenai qada zakat dalam laman web mereka seperti Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang (Lihat <http://www.zakat.com.my/>, <http://www.e-zakat.com.my/baru/statistik/statistik.asp> dan <http://www.i-zakatpuz.com.my/web2/index.asp>). Penyengaraiannya dalam jenis-jenis zakat menunjukkan ia termasuk **kategori zakat yang wajib dibayar**. Beberapa pegawai PPZ ketika diaju pertanyaan mengenai perkara tersebut menjelaskan, sekiranya mereka ditanya tentang qada' zakat maka mereka akan menerangkan tentang kewajipan membayarnya kepada orang yang bertanya (berdasarkan pendapat dalam kitab fiqh dan amalan semasa). Sungguhpun begitu mereka tidak memaksa orang yang bertanya membayarnya sekaligus, tetapi menasihatkan mereka mendahulukan bayaran zakat semasa dan sekiranya mampu mereka boleh membayar zakat yang tertunggak itu secara beransur-ansur.

- 2.3 Apabila ditinjau dari **sudut fatwa** pula, setakat ini **tiada fatwa** yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri-negeri atau Kebangsaan membincangkan tentang hukum qada' zakat. Kemungkinan ia tidak difatwakan kerana hukum qada zakat adalah jelas sebagaimana termaktub di dalam kitab-kitab fiqh, sehubungan itu para mufti boleh merujuk terus sekiranya persoalan mengenainya dikemukakan oleh orang ramai.

KEPUTUSAN MESYUARAT PANEL KAJIAN SYARIAH

Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke 56 yang bersidang pada 18-20 September 2006 telah membincangkan perkara ini dan mengambil **keputusan** seperti berikut :

- a. **Agihan sebahagian jumlah zakat yang ditunaikan oleh individu atau syarikat secara persendirian adalah sah. Walaubagaimanapun, sebahagian besar jumlah zakat adalah digalakkan untuk dibayar kepada pihak pemerintah.**
- b. **Hukum qada' zakat (zakat yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya) adalah wajib.**
- c. **Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji boleh menyelaras kadar munasabah zakat yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa negeri.**

HUJAH DAN DALIL

Agihan zakat secara persendirian menurut hukum syarak.

Zakat merupakan satu kewajipan yang jelas dalam Islam. Ia bukanlah suatu kewajipan yang terbeban kepada seorang individu sahaja tetapi merupakan satu sistem dalam masyarakat Islam yang dipantau pelaksanaannya oleh

pihak pemerintah dan diurus secara sistematis oleh pihak yang dipertanggungjawabkan sama ada dari segi kutipan mahupun agihan.

Para fuqaha bersepakat bahawa pemerintah mempunyai kuasa untuk memungut dan mengagihkan zakat ternakan, tanaman dan buah-buahan (zakat harta zahir). Sekiranya pemerintah meminta zakat-zakat tersebut ditunaikan maka wajib bagi rakyat membayar kepadanya. Saidina Abu Bakar r.a. telah membunuh golongan yang ingkar membayar zakat-zakat tersebut dengan persetujuan sahabat-sahabat yang lain. Perkara tersebut (hak pemerintah untuk memungut zakat harta zahir) kemudiannya menjadi *Ijma'* di kalangan orang Islam (kecuali satu pendapat daripada Hanabilah yang mengatakan zakat harta zahir wajib di bayar tetapi tidak wajib membayar kepada pemerintah)

(Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya al-Zakat al-Muasarah, Juzu' 1, Hlm. 108-109).

Sementara zakat harta batin (seperti matawang dan barang perniagaan) pula para fuqaha telah berselisih pendapat mengenainya seperti berikut :

- i. **Hanafiah : Pengurusan zakat harta batin diserahkan kepada pemilik harta tersebut. Zakat ini pada asalnya dibawah kuasa pemerintah, tetapi pada masa Saidina Uthman r.a. pengurusannya diserahkan kepada tuanpunya harta kerana masalah tertentu.**
- ii. **Malikiah : Wajib membayar zakat kepada pemerintah yang adil sama ada harta zahir atau batin.**
- iii. **Syafiiyah : Pemilik harta hendaklah mengagihkan sendiri zakat harta batin iaitu emas, perak, barang perniagaan dan zakat fitrah (menurut satu pendapat, sementara satu pendapat lagi mengatakan zakat fitrah termasuk harta zahir).**

- iv. **Hanabilah** : Tidak wajib menyerahkan zakat kepada pemerintah, tetapi pemerintah boleh menerimanya sama ada harta zahir atau batin.

(*Fiqh al-Zakat, Dr. Yusuf al-Qaradhawy, Jld. 2, Hlm. 242-246*)

Dr. Yusuf al-Qaradhawi setelah mengemukakan pandangan fuqaha di atas dan beberapa pandangan lain menyimpulkan seperti berikut :

Sungguhpun fuqaha mazhab berselisih pendapat dalam perkara ini tetapi mereka **sependapat** dalam **dua perkara** iaitu:

- i. Adalah menjadi hak pemerintah untuk meminta rakyatnya mengeluarkan zakat pada semua jenis harta sama ada zahir atau batin, lebih-lebih lagi apabila diketahui keadaan rakyat yang mempermudah-mudahkan (mempermainkan) urusan pembayaran zakat.
- ii. Apabila pemerintah cuai dalam melaksanakan urusan zakat (tidak memungutnya), maka perintah berzakat tidak gugur atas pemilik-pemilik harta, mereka tetap wajib mengeluarkannya sendiri kepada *asnaf* yang layak (secara persendirian).

Beliau seterusnya menyatakan, berdasarkan pemerhatiannya terhadap nas-nas dan dalil syarak yang menetapkan zakat adalah urusan pemerintah atau kerajaan Islam tanpa membezakan antara harta zahir dan batin, maka dengan itu **wajiblah ke atas kerajaan menguruskan urusan zakat dari semua segi sama ada kutipan atau agihan**. Inilah kaedah yang asal bagi zakat menurut beliau.

(*Ibid, Hlm. 251-252*).

Pandangan fuqaha semasa mengenai pengurusan zakat .

Kebanyakan fuqaha semasa berpandangan bahawa **pihak pemerintah** yang sepatutnya **mengendalikan urusan zakat**. Ia perlu dilengkapi dengan prasarana yang mencukupi sama ada dari segi perundangan, pentadbiran dan sumber kewangan.

Kebanyakan mereka juga berpandangan **hukum fiqh yang dikaji oleh fuqaha terdahulu yang memutuskan kerajaan tidak boleh mengambil zakat harta batin adalah tidak sesuai lagi dengan suasana pada masa sekarang**. Ini kerana harta yang dianggap zahir pada masa dahulu mungkin menjadi harta batin kalau mengikut suasana zaman sekarang, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, menurut mereka cara mengatasinya ialah dengan **menyerahkan urusan zakat kepada pemerintah**. Pemerintah dengan perundangan yang lengkap boleh mengambil semua jenis zakat tanpa berkecuali. Antara fuqaha yang mendokong pendapat ini ialah **Syeikh Abdul Wahab Khalaf, Syeikh Abdul Rahman Hassan dan Syeikh Muhammad Abu Zuhrah**, kemudian diikuti oleh **Dr. Yusuf al-Qaradhawy** dan beberapa orang lagi yang menulis tentang perkara ini. Gelombang perubahan ini begitu kuat sehingga sukar ditepis lagi dan beberapa negara Islam telah merangka peruntukan undang-undang (*qawanin*) mengenai zakat yang menyokong pandangan ini.

Realiti pengurusan zakat di negara-negara Islam masa kini.

Apa yang berlaku di negara-negara Islam pada hari ini ialah sesetengah negara tidak mampu mengikut pandangan tersebut (6.5. (i) dan (ii)) seratus peratus kerana masalah pelaksanaannya yang menghadapi beberapa kesulitan.

Peruntukan undang-undang zakat negara **Kuwait (1982), Bahrain (1979) dan Jordan (1978)** misalnya memberi pilihan kepada pembayar zakat sama ada membayar kepada pemerintah atau mengagihkannya sendiri kepada *asnaf* yang berhak menerimanya.

Undang-undang **zakat Libya** pula secara terang dalam seksyen (34) menyatakan “**bahawa zakat yang diperolehi melalui harta batin seperti nota bank , pendapatan bangunan, harta perniagaan, saham, bon dan sebagainya termasuk zakat fitrah adalah menjadi tanggungjawab pembayar zakat untuk mengagihkannya menurut kehendak syarak tanpa apa-apa campurtangan dari pusat pentadbiran zakat**”.

Peraturan zakat di **Saudi Arabia** pula **mewajibkan peniaga membayar separuh daripada harta yang diwajibkan zakat kepada kerajaan, sementara sebahagian lagi diagihkan sendiri oleh peniaga berkenaan.**

Undang-undang zakat **Sudan** pada tahun 1983 **tidak membezakan antara harta zahir dan batin dan meminta semua pemilik harta membayar zakat mereka kepada kerajaan.**

Undang-undang zakat dan *usyur* **Pakistan** (1980) **mewajibkan kerajaan memungut zakat pada sesetengah harta sahaja berdasarkan jenis yang mudah diaudit dan dipantau.** Antaranya simpanan dalam bank, bon kerajaan, saham-saham syarikat, saham koperasi, insurans dan wang ganjaran pencen (*Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya al-Zakat al-Muasarah, Juzu' 1, Hlm.149-152*)

Dr. Muhammad Sulayman al-Asyqar selepas melihat dan mengkaji pandangan fuqaha silam dan semasa mengenai bidangkuasa kerajaan dalam urusan zakat serta mengemukakan beberapa contoh undang-undang zakat yang dikeluarkan oleh negara-negara Islam telah mengemukakan pendapat beliau seperti berikut :

“Jalan terbaik menurut pandanganku ialah mengekalkan dasar sedia ada yang telah disepakati, yang telah dicapai oleh ulama Islam terdahulu iaitu harta batin adalah dibawah tanggungjawab pemilik harta untuk mengeluarkan zakat, sementara Pusat Zakat hanya menerima zakat-zakat yang dibayar kepadanya, disamping

memantau perjalanan badan-badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia urusan zakat dan menyediakan program-program kesedaran berzakat secara sistematik”.

(Ibid, Hlm. 167).

Antara pro dan kontra

Berikut dinyatakan beberapa **kebaikan** (pro) yang diperolehi dari **penyerahan semua urusan zakat (zahir dan batin) kepada pemerintah**, iaitu :

- a. **Menjamin** zakat **dapat dipungut** daripada semua orang yang layak menunaikannya.
- b. **Hasilan** zakat akan **bertambah** dengan banyaknya yang tentunya menguntungkan umat Islam seluruh negara.
- c. **Pembelaan** kepada **asnaf-asnaf yang layak** menerima zakat akan dapat dilakukan secara teratur dan sistematik.

Sementara **keburukannya** (kontra) pula ialah:

- a. **Kesukaran untuk mengenalpasti dan mengaudit** harta-harta yang tersimpan di dalam sesebuah syarikat atau harta persendirian.
- b. Kerja-kkerja tersebut juga akan menyebabkan jabatan kerajaan yang berkaitan akan **menghadapi bebanan tugas yang berat dari segi sumber manusia atau kewangan**.
- c. Kemungkinan juga para pemilik harta akan **menarik balik hartanya atau pelaburannya** dari negara yang mewajibkan zakat sedemikian kerana ia membuka/menzahirkan aset mereka kepada umum, sedangkan aset perniagaan pada kebiasaannya tidak dinyatakan kerana ia mungkin memberi kesan buruk kepada perniagaan mereka.

Antara kesimpulan yang diperolehi daripada perbincangan tersebut ialah :

- i. Secara umumnya para fuqaha silam **hampir sepakat** menyatakan bahawa **zakat bagi harta zahir wajib dibayar kepada pemerintah**. Sementara bagi **harta batin mereka telah berselisih pendapat**, ada yang menyatakan wajib bayar kepada pemerintah dan ada yang memberi pilihan kepada pemilik harta untuk mengagih sendiri atau membayar kepada pemerintah.
- ii. Para **fuqaha moden** kemudiannya berpandangan bahawa **pembahagian harta yang diwajibkan zakat** kepada harta zahir dan batin sepertimana yang dibuat oleh fuqaha silam **tidak lagi sesuai** digunakan pada masa sekarang kerana suasana ekonomi dan perniagaan yang semakin berubah dan kompleks. Oleh itu, mereka **mentarjihkan** pendapat yang mewajibkan pemerintah memungut semua jenis zakat tanpa mengklasifikasikannya mengikut jenis harta zahir atau batin.
- iii. Pandangan ini walaupun disokong oleh ramai fuqaha moden, tetapi ada juga yang berpendapat sebaliknya dan menyarankan agar **mengekalkan pandangan fuqaha silam** iaitu **zakat harta batin diletakkan di bawah tanggungjawab pemilik harta untuk membayarnya**.
- iv. Perselisihan pendapat antara fuqaha sebenarnya melihat kepada masalah dan urf semasa. Ada yang berpendapat dengan meletakkannya dibawah kuasa pemerintah, akan lebih memudahkan urusan kutipan dan agihan serta lebih adil, begitulah sebaliknya. Ringkasnya ia merupakan perkara "*ijtihad*" yang boleh berubah mengikut kemaslahatan dan kesesuaian masa.

Qada Zakat Menurut Hukum Syarak

Para fuqaha pernah membincangkan tentang hukum zakat yang tidak sempat dibayar pada tahun semasa sehingga berlalu beberapa tahun tanpa ditunaikan hak tersebut, adakah gugur kewajipan berzakat dengan sebab berlalunya masa? Jawabannya : Sesungguhnya zakat merupakan hak yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada orang fakir, miskin dan asnaf lain yang layak menerimanya. Sehubungan itu, kewajipan berzakat tidak gugur dengan berlalunya masa bahkan ia tetap wajib dan sabit ke atas orang yang mampu untuk menunaikannya (*Fiqh al-Zakat, Dr. Yusuf al-Qaradhawy, Jld 2, Hlm. 832*).

Dalam hal ini **Imam al-Nawawi** berkata : **Apabila berlalu beberapa tahun sedangkan zakat yang sepatutnya tidak ditunaikan maka wajiblah bagi orang yang berkenaan mengeluarkan zakat kesemuanya, samada pada masa itu dia mengetahui kewajipan berzakat atau tidak, atau dia berada di negara Islam atau kafir.** Inilah pendapat mazhab kami (Syafii).

(*al-Majmu', al-Nawawi, Jld. 5, Hlm. 221*)

Ibn Munzir pula berkata : Menurut pendapat mazhab Syafii, satu pendapat dalam mazhab Malik dan Abu Thaur, **sekiranya sesebuah negeri dikuasai oleh penderhaka dan penduduk negeri tersebut tidak menunaikan zakat selama beberapa tahun, maka apabila negeri tersebut dimenangi balik oleh pemerintah yang sah hendaklah dipungut kembali zakat-zakat yang tertunggak sebelum itu.** Sementara **mazhab Hanafi** pula berpendapat : **Tidak wajib memungut zakat yang telah berlalu sebelum itu, kata mereka “ Sekiranya satu golongan telah memeluk agama Islam di negara kafir dan mereka menetap di sana beberapa tahun, kemudian mereka keluar berhijrah ke negara Islam maka tidak diwajibkan zakat ke atas tahun-tahun yang telah lalu.**

Abu Muhammad Ibn Hazm pula menyatakan di dalam kitabnya *al-Mahalli* : **Barangsiapa yang berkumpul pada hartanya dua jenis zakat atau lebih sedangkan dia masih hidup maka hendaklah ditunaikan kesemuanya pada setiap tahun mengikut bilangan yang wajib baginya, samada**

perkumpulan zakat itu terjadi kerana kejahilannya atau kelambatan amil memungut zakat atau kerana dia melarikan hartanya sebelum itu

(Fiqh al-Zakat, Dr. Yusuf al-Qaradhawy, Jld 2, Hlm. 833).

Dalam masalah individu yang tidak membayar zakat (sedangkan beliau mampu menunaikan zakat) sehinggalah meninggal dunia, para fuqaha berselisih kepada dua (2) pendapat :

- a. **Jumhur Fuqaha** iaitu **Imam Malik, Syafii, Ahmad, Ishak, Abu Thaur , Ibn Munzir, yang diriwayatkan dari Ata' , al-Hasan dan al-Zuhri** menyatakan **kewajipan berzakat tidak gugur dengan sebab kematian tersebut sepertimana kewajipan-kewajipan lain seperti haji dan kafarat. Sehubungan itu, zakat perlu dikeluarkan daripada hartanya sama ada individu tersebut mewasiatkannya atau tidak.**
- b. **Imam Abu Hanifah, al-Thauri, al-Nakhaie dan al-Sya'bi** pula berpendapat **kewajipan berzakat telah gugur dengan sebab kematiannya.**

(Al-Mawsuah al-Fiqhiah, Jld 23, Hlm. 296)

KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 di Hotel The Legend, Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa :

“Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

Walaupun dari segi syara', mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang

pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib”.

“Mengenai hukum qada zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib tetapi tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya”.

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 6/2006 pada 12 Disember 2006 telah memutuskan bahawa:

“Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

Walaupun dari segi syara’, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib”.

“Mengenai hukum qada zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib tetapi tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya”.

PENUTUP

Semoga penjelasan mengenai fatwa Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat akan dapat membantu dan memberi maklumat

kepada para Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat dalam menangani isu dan permasalahan semasa umat Islam.